

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat minat pelajar India Tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil di kawasan Seremban. Bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian iaitu tempat kajian dijalankan, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan penganalisan data.

3.1 Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di lima buah sekolah menengah di kawasan Seremban. Sekolah-sekolah ini mempunyai bilangan pelajar yang teramai mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil di kawasan Seremban. Guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil Tingkatan Empat di sekolah menengah dalam kawasan Seremban telah diminta kerjasama menyenaraikan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil. Lima sekolah menengah yang menjadi pilihan kajian ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Mantin, Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau, Sekolah Menengah Kebangsaan Mambau, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mewah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tuanku Ja'afar.

Sampel kajian ini terdiri daripada seratus tiga puluh (130) orang pelajar aliran sains dan sastera Tingkatan Empat. Guru-guru Bahasa Tamil dalam lima sekolah berkenaan telah diberi taklimat cara menjalankan soal-

selidik. Mereka telah memilih secara rawak sampel kajian dan menjalankan sesi soal selidik mengikut kesesuaian masa masing-masing. Masa yang diperuntukkan ialah 30 minit. Perincian lengkap mengenai sampel berdasarkan bilangan, jantina, pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat, pemilihan pekerjaan dan pekerjaan bapa atau penjaga terdapat dalam jadual 1 hingga 5 dibawah.

Taburan sampel kajian mengikut bilangan adalah seperti dalam jadual 5 di bawah.

JADUAL 5: Taburan Sampel Kajian Mengikut Bilangan

SEKOLAH	BILANGAN PELAJAR	BILANGAN (N) SAMPEL	PERATUS % SAMPEL
Sekolah Menengah Taman Tuanku Ja'afar	45	25	19.2
Sekolah Menengah Mambau	38	25	19.2
Sekolah Menengah Rantau	47	19	14.6
Sekolah Menengah Mantin	45	43	33.1
Sekolah Menengah Bukit Mewah	25	18	13.9
JUMLAH	200	130	100.0

PEPERIKSAAN UNIVERSITI MALAYA

Jadual 5 menunjukkan bahawa 33.1% (43) sampel kajian adalah dari Sekolah Menengah Mantin, diikuti 19.2% (25) sampel kajian adalah dari Sekolah Menengah Mambau dan Sekolah Menengah Taman Tuanku Jaafar dan 14.6% (19) dari Sekolah Menengah Rantau, dan disertai dengan 13.9% (18) sampel kajian dari Sekolah Menengah Bukit Mewah. Statistik ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian tertinggi adalah dari Sekolah Menengah Mantin (33.1%) dan terendah adalah dari Sekolah Menengah Bukit Mewah (13.9%).

Taburan sampel kajian mengikut jantina adalah seperti dalam jadual 6 di bawah.

JADUAL 6: Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina

JANTINA	JUMLAH (N)	PERATUS %
Lelaki	42	32.3
Perempuan	88	67.7
JUMLAH	130	100.0

Jadual 6 menunjukkan bahawa 32.3% (42) sampel kajian terdiri daripada pelajar lelaki dan 67.7% (88) terdiri daripada pelajar perempuan. Statistik ini menunjukkan bahawa peratus responden perempuan (67.7%) lebih tinggi daripada responden lelaki (32.3%).

Taburan sampel kajian mengikut pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah Tahun 2003 bagi mata pelajaran Bahasa Tamil ditunjukkan dalam jadual 7 di bawah.

JADUAL 7: Taburan Sampel Kajian Mengikut Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Tamil Dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) Tahun 2003.

PENCAPAIAN	JUMLAH (N)	PERATUS %
A	43	33.1
B	39	30.0
C	28	21.5
D	12	9.2
E	6	4.6
Tidak Hadir	2	1.5
JUMLAH	130	100.0

Jadual 7 menunjukkan bahawa 33.1% (43) sampel kajian telah memperolehi pangkat A dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2003, diikuti 30.0% (39) sampel kajian mendapat pangkat B, diikuti 21.5% (28) sampel kajian mendapat pangkat C dan 9.2% (12) sampel kajian memperolehi pangkat D dan seramai 4.6% (6) sampel kajian mendapat pangkat E. Pada masa yang sama seramai 1.5% (2) sampel kajian tidak menduduki peperiksaan PMR pada tahun tersebut.

Statistik ini menunjukkan peratus responden tertinggi memperoleh pangkat A (33.1%) dan peratus responden tidak hadir (1.5%) adalah terendah.

Taburan sampel kajian mengikut pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan empat dalam mata pelajaran Bahasa Tamil ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah.

JADUAL 8: Taburan Sampel Kajian Mengikut Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Tamil Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan Empat.

PENCAPAIAN		JUMLAH (N)	PERATUS %
80% - 100%	Amat Cemerlang	27	20.8
70% - 79%	Cemerlang	29	22.3
60% - 69%	Baik	34	26.2
50% - 59%	Sederhana	20	15.4
40% - 49%	Lulus	13	10.0
0% - 39%	Gagal	7	5.4
JUMLAH		130	100.0

Jadual 8 menjelaskan bahawa 20.8% (27) sampel kajian merupakan pelajar yang memperoleh pencapaian tahap amat cemerlang (80%-100%) bagi mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat, diikuti 22.3% (29) yang berada pada tahap cemerlang

(70%-79%), 26.2% (34) pula berada pada tahap baik (60%-69%), 15.4% (20) pula pada tahap sederhana, dan 10.0% (3) pula tahap lulus sahaja. Pada masa yang sama 5.4% (7) sampel kajian telah memperolehi tahap gagal (0%-39%).

Statistik ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian yang tertinggi merupakan kalangan pelajar yang memperolehi pencapaian baik (26.2%) dan terendah adalah yang berada di tahap pencapaian gagal (5.4%).

Taburan sampel kajian mengikut taraf kebolehan pelajar dalam pencapaian akademik sekarang ditunjukkan dalam Jadual 9 di bawah.

JADUAL 9: Taburan Sampel Kajian Mengikut Taraf Kebolehan Pelajar Dalam Pencapaian Akademik Sekarang Mengikut Ujian Pertengahan Tahun Tingkatan Empat

TARAF	JUMLAH (N)	PERATUS %
Lemah	8	6.2
Sederhana	51	39.2
Baik	52	40.0
Cemerlang	19	14.6
JUMLAH	130	100.0

Jadual 9 menunjukkan bahawa 6.2 (8) sampel kajian menduduki taraf lemah dalam mata pelajaran Bahasa Tamil, diikuti 39.2% (51) pula sampel kajian bertaraf sederhana, 40.0% (52) sampel kajian pula bertaraf baik dan 14.6% (19) sampel kajian adalah bertaraf cemerlang.

Statistik ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian tertinggi terdiri dari pelajar yang mempunyai taraf baik (40.0%) dan terendah pula sampel kajian bertaraf lemah (6.2%).

Taburan sampel kajian mengikut aliran adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10 di bawah.

JADUAL 10: Taburan Sampel Kajian Mengikut Aliran

ALIRAN	JUMLAH (N)	PERATUS %
Sains	37	28.5
Sastera	93	71.5
JUMLAH	130	100.0

Jadual 10 menjelaskan bahawa 28.5% (37) sampel kajian terdiri daripada aliran sains dan 71.5% (93) terdiri daripada aliran sastera. Statistik ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian tertinggi terdiri daripada pelajar aliran sastera iaitu 71.5% dan terendah pula sampel kajian aliran sains 28.5%.

Taburan sampel kajian mengikut pekerjaan bapa atau penjaga adalah seperti Jadual 11 dibawah.

JADUAL 11: Taburan Sampel Kajian Mengikut Pekerjaan Bapa Atau Penjaga

PEKERJAAN	JUMLAH (N)	PERATUS %
Guru	7	5.4
Pemandu	43	33.1
Polis / Askar / Pengawal	4	3.1
Pekerja Kilang	23	17.7
Buruh	19	14.6
Berniaga	13	10.0
Pejabat	9	6.9
Professional	7	5.4
Juru Teknik & Pembantu makmal	3	2.3
Penoreh	2	1.5
JUMLAH	130	100.0

Jadual 11 menunjukkan bahawa 5.4% (7) sampel kajian adalah pelajar yang pekerjaan bapa atau penjaganya dalam bidang perguruan, diikuti pemandu 33.1% (43), polis, askar dan pengawal 3.1% (4), pekerja kilang 17.7% (23), buruh 14.6% (19), peniaga 10.0% (13), pejabat 6.9% (9), professional 5.4% (7) juru teknik dan pembantu makmal 2.3% (3) dan

penoreh 1.5% (2). Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian tertinggi terdiri dari pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja sebagai pemandu (33.1%) dan terendah pula pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja sebagai penoreh (1.5%).

Taburan sampel kajian mengikut pemilihan pekerjaan adalah seperti Jadual 12 dibawah.

JADUAL 12: Taburan Sampel Kajian Mengikut Pemilihan Sektor Pekerjaan

PEKERJAAN	JUMLAH (N)	PERATUS %
Guru	47	36.2
Polis / Askar / Pengawal	7	5.4
Pekerja Kilang	2	1.5
Buruh	3	2.3
Peniaga	9	6.9
Pejabat	4	3.1
Professional	46	35.4
Juru Teknik & Pembantu makmal	11	8.5
Juru rawat dan Pramugari	1	0.8
JUMLAH	130	100.0

Jadual 12 menunjukkan bahawa 36.2% (47) sampel kajian adalah pelajar yang memilih pekerjaan dalam bidang perguruan, diikuti polis, askar dan pengawal sebanyak 5.4% (7), pekerja kilang 1.5% (2), buruh 2.3% (3), peniaga 6.9% (9), pekerjaan pejabat 3.1% (4), pekerjaan professional 35.4% (46), jururawat dan pramugari 8.5% (11) dan juruteknik serta pembantu makmal sebanyak 0.8% (1). Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian yang tertinggi dari pelajar yang memilih pekerjaan dalam bidang perofessional (35.4%) dan terendah pula pelajar yang memilih bekerja dalam bidang juruteknik dan pembantu makmal (0.8%).

Taburan sampel kajian yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil pada waktu yang tertentu adalah seperti Jadual 13 dibawah.

JADUAL 13: Taburan Sampel Kajian Mengikut Waktu Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil

WAKTU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	JUMLAH (N)	PERATUS %
Dalam jadual waktu harian	92	70.8
Luar jadual waktu harian	38	29.2
JUMLAH	130	100.0

Jadual 13 menunjukkan bahawa 70.8% (92) sampel kajian mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil dalam jadual waktu harian dan

29.2% (38) sampel kajian pula mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil dalam luar jadual waktu harian. Statistik ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian tertinggi terdiri dari pelajar yang melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam jadual waktu harian (70.8%) manakala peratus terendah sampel kajian melalui proses pengajaran dan pembelajaran luar jadual waktu harian (29.2%).

Taburan sampel kajian mengikut pencapaian akademik guru mata pelajaran Bahasa Tamil adalah seperti Jadual 14 di bawah.

JADUAL 14: Taburan Sampel Kajian Mengikut Pencapaian Akademik Guru Mata Pelajaran Bahasa Tamil.

PENCAPAIAN AKADEMIK	JUMLAH (N)	PERATUS %
Siswazah	125	96.2
Bukan Siswazah	5	3.8
JUMLAH	130	100.0

Jadual 14 menjelaskan bahawa 96.2% (125) sampel kajian mempunyai pencapaian akademik guru Bahasa Tamil siswazah dan 3.8% (5) sampel kajian mempunyai pencapaian akademik guru Bahasa Tamil bukan siswazah. Statistik ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian tertinggi terdiri dari pelajar yang mempunyai guru Bahasa Tamil berkelulusan

ijazah (96.2%) dan terendah pula sampel kajian yang guru Bahasa Tamil bukan siswazah (3.8%).


3.2 Reka Bentuk

Kajian ini dijalankan secara survey ke atas populasi pelajar-pelajar tingkatan empat dalam lima buah sekolah menengah yang terletak dalam kawasan Seremban. Maklumat diperolehi daripada sampel melalui kaedah soal-selidik.

Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat minat pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Pada hal demikian, minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil merupakan variabel bergantung. Terdapat enam variabel bebas yang telah dipilih iaitu pekerjaan bapa atau penjaga pelajar, pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat, sektor pekerjaan yang dipilih setelah menamatkan pengajian kelak, penggunaan buku teks mata pelajaran Bahasa Tamil yang dikeluarkan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia, jadual waktu mata pelajaran Bahasa Tamil dan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil. Setiap variabel bebas akan dianalisis hubungannya dengan variabel bergantung secara berasingan di antara variabel tersebut.

Reka bentuk kajian ini digambarkan dalam Rajah 1.

RAJAH 1 : REKA BENTUK KAJIAN



Berpandukan rajah tersebut, minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil yang ingin diukur dalam kajian ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu perasaan pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dan tanggapan pelajar tentang mata pelajaran Bahasa Tamil.

Perasaan pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dilihat dari tiga aspek iaitu :

1. Perasaan senang atau susahnya mata pelajaran Bahasa Tamil.
2. Perasaan susah atau tidaknya terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.
3. Perasaan bosan atau tidaknya terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

Tanggapan pelajar tentang mata pelajaran Bahasa Tamil pula dilihat dari tiga aspek iaitu:-

1. Tanggapan pelajar tentang penting atau tidaknya mata pelajaran Bahasa Tamil
2. Tanggapan pelajar tentang patut atau tidaknya mata pelajaran Bahasa Tamil dijadikan mata pelajaran pilihan.
3. Tanggapan pelajar tentang berguna atau tidaknya pengetahuan Bahasa Tamil dalam kehidupan seharian.

3.3 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar. Tujuan kajian rintis dijalankan ialah untuk mendapatkan maklumat daripada wakil responden bagi menentukan kesesuaian dan kemantapan soal-selidik.

Sampel yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah terdiri daripada responden yang diluar daripada sampel kajian sebenar. Sepuluh orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang terlibat dalam menjawab soalan-soalan soal-selidik ini.

Beberapa perubahan telah dibuat dalam soal-selidik ini hasil daripada kajian rintis sebelum melaksanakan kajian sebenar.

3.4 Alat Kajian

Soal-selidik digunakan sebagai alat kajian dan ia mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A: Mengandungi item-item berkaitan dengan maklumat diri dan latar belakang sampel kajian. Soalan tentang jantina, bangsa, pekerjaan yang ingin diceburi, pekerjaan bapa atau penjaga, markah Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat, aliran pelajar, taraf kebolehan pelajar dalam pencapaian akademik sekarang, waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dan kelayakan guru yang mengajar Bahasa Tamil.

Bahagian B: Terdapat 21 kenyataan kesemuanya. 19 kenyataan menggunakan skala likert 1 hingga 5 iaitu :-

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

Satu kenyataan menghendaki sampel kajian menyusun kenyataan mengikut keutamaan iaitu perlu menandakan , , , dan . Kenyataan terakhir pula dikehendaki sampel kajian mengemukakan

cadangan untuk meningkatkan minat mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil.

3.5 Pengumpulan Data dan Analisis Data

Responden telah diberi tempoh 30 minit untuk mengisi dan memulangkan soal-selidik tersebut. Pada akhir tempoh penerimaan yang ditetapkan itu, borang soal-selidik yang telah diterima adalah 100%.

Soal-selidik yang telah diterima daripada responden dikumpulkan diberi kod, dan diproses menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Sciences).

Taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk membuat huraian tentang beberapa variabel tertentu iaitu jantina, bangsa, pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat, pekerjaan bapa atau penjaga, pemilihan pekerjaan setelah tamat pengajian, aliran tingkatan empat, jadual waktu dan kelayakan guru.

Kaedah 'cross-tabulation' dan nilai Chi-ganda dua Pearson's R pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara variabel. Analisis Korelasi Pearson's R yang digunakan dalam kajian ini mengambil signifikan pada aras .05 ($p < .05$).